



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*



BULETIN

BILIK GERAKAN COVID-19 HCTM

16 Mei 2020



Vol. (12) 2020

COVID-19



Kita Mesti Menang

**PENYELIDIKAN :
NADI KECEMERLANGAN BILIK
GERAKAN COVID-19 HCTM**

eISSN 2716-6368



9 772716 636002

TERBITAN :

Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000
Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



TELEFON : 0391454949/4959

EMAIL : cprchctm@ppukm.ukm.edu.my

PENGALAMAN PELAJAR PROGRAM SARJANA PEMBEDAHAN

Jabatan Surgeri turut terkesan akibat pandemik COVID-19. Pelbagai perkhidmatan klinikal termasuk perkhidmatan pembedahan, endoskopi dan klinik tidak dapat dijalankan seperti biasa kerana perlu memberi fokus kepada usaha menangani penularan wabak COVID-19. Hanya kes kecemasan yang membahayakan nyawa sahaja masih diteruskan di dewan bedah dan pusat endoskopi mengikut garis panduan yang ketat. Pesakit yang memerlukan pembedahan kecemasan perlu menjalani ujian saringan seperti yang disarankan dalam garis panduan KKM. Pemakaian PPE seperti apron, topeng muka, alat pelindung mata dan sarung tangan semasa prosedur dititikberatkan agar risiko jangkitan kepada staf dapat dielakkan.

Bagi pegawai perubatan yang sedang mengikuti program sarjana seperti saya, aktiviti pembelajaran seperti kelas dan CME masih giat diteruskan, tetapi dilaksanakan secara atas talian. Pembelajaran digital tidak banyak berbeza daripada kelas konvensional. Penyampaian ilmu masih boleh dijalankan secara sempurna dengan usaha gigih yang ditunjukkan oleh para pensyarah. Wabak COVID-19 bukan sahaja telah mengubah cara kita bekerja tetapi juga telah mengingatkan kita supaya lebih peka kepada persekitaran kerja kita. Saya yakin dengan berkat usaha semua pihak, kita mampu memutuskan rantai jangkitan COVID-19.

Dr Hisham Arshad
JABATAN SURGERI



Pelbagai Pengalaman Kakitangan HCTM



"Saya menggunakan pembasmi kuman yang disyorkan oleh Unit Kawalan Infeksi semasa pencucian"
Abdul Rahim (Cleaner Wad Covid)



"Perkara penting adalah kakitangan yang bertugas mengikuti garis panduan (SOP) serta mengamalkan kebersihan tangan yang berkesan"
KJ Suhaini Abd Hamid (Wad Kristal)



"Kami memberi perawatan mengikut garis panduan yang diguna pakai dan memastikan keperluan pesakit mencukupi dari masa ke semasa"
JT Noraziah Samian (Wad 6E)

PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN BILIK GERAKAN

Sepanjang tempoh operasi Bilik Gerakan COVID-19 HCTM, banyak maklumat telah diperolehi daripada pelbagai pihak seperti wad-wad di HCTM, Unit Kawalan Infeksi, Unit Penyakit Berjangkit, Jabatan Kecemasan dan Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik. Maklumat-maklumat ini kemudian akan diproses oleh para petugas Bilik Gerakan COVID-19 HCTM dan disampaikan secara laporan harian kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ataupun dalam bentuk Kenyataan Dalam Pengarah HCTM. Maklumat tersebut juga dikumpul dan diterjemahkan dalam bentuk infografik oleh Unit Promosi Kesihatan & Komunikasi Risiko dan seterusnya dihebah melalui emel dan aplikasi Telegram.

Pelbagai data yang telah dikumpul adalah sangat bermakna.

Sebahagian maklumat ini telah diterbitkan dalam BULETIN BILIK GERA-KAN COVID-19 HCTM untuk pembacaan umum. Kini petugas Bilik Gerakan mengambil inisiatif untuk menterjemahkan kepada penulisan yang lebih profesional seperti penyelidikan dan penerbitan akademik. Inisiatif ini bertujuan menghasilkan beberapa artikel jurnal hasil daripada perhatian dan analisis yang dibuat ke atas data-data yang ada.

Topik mengenai pengurusan wabak, pengurusan Bilik Gerakan dan pengalaman HCTM dalam menangani wabak COVID-19 juga boleh dijadikan modal penulisan yang menarik. Tidak dinafikan, kerjasama daripada pelbagai pihak dan disiplin perubatan adalah perlu bagi akan menghasilkan penyelidikan dan penerbitan yang bermutu.



BANTUAN MAKANAN ALTERNATIF



KEPRIHATINAN MAIWP

Syukur Alhamdulillah, HCTM telah menerima sumbangan dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam bentuk Makanan Alternatif. Pihak MAIWP melancarkan 'PROGRAM SERAHAN BANTUAN MAKANAN ALTERNATIF' dengan membuat pembelian dari peladang dan seterusnya mengedarkan kepada para petugas kesihatan. Sumbangan adalah sebanyak 100 pek makanan, di mana setiap satu pek mengandungi buah nenas, ubi kayu dan ubi keledek.

PENAUNG
Prof. Dato' Dr Hanafiah Harunarashid

KETUA PENGARANG
Prof Madya Dr Mohd Rahaizat Hassan

KETUA EDITOR
Dr. Faiz Daud

PENGARANG
Prof Madya Dr Azmawati Mohammed Nawi
Prof Madya Dr Azimatus Noor Aizuddin
Prof Madya Dr Rozita Hod
Prof Madya Dr Norfazilah Ahmad
Prof. Madya Dr. Aarul Abdul Wahab
Dr. Sharifah Azura Salleh
Dr. Patrick @ Ramesh A/L K Periyasamy
Dr Najma Kori
Prof. Madya Dr. Tzar Mohd Nizam Khaithir

PENULIS / PENYUMBANG BAHAN
Mohd Afg Arifin
Sazman Wahab
Mohd Firdaus Habib
Mohd Rizam Abd Rahman
Azman Ariff
Fady Syah Arsad
Mohd Izzar Anwar Abdul Khani
Muhammad Hilmie Mahmud
Puteri Sofia Nadira
Aniff Azfarahim Ibrahim
Rumaiyah Mohd Nordin
Ummi Mirza Baharudin
Normasrina Mustaza
Intan Kartina A Karim
Juliana Mansor
Thivyadharshini A/P Uvaraju
Norayuni Mohd Ismail
Khairul Hazdi Yusof
Izyani Bahari
Zurina Mohamad Saleh
Muhd Fazly Nizam Rashdi
Nor Zarina Zainal Abidin
Noor Azlin Muhammad Hanapi
Maliha Farah Nurhazirah
Norzhanah Fatimah Mohd Ali

JURUGAMBAR
Rosli Nasir JMP


GRAFIK
Mohd Firdaus Habib
Sazman Wahab

PERCETAKAN
Mohd Rizam Abd Rahman

PENGEDARAN
Khairul Hazdi Yusof

KENYATAAN DALAMAN YANG DIKELUARKAN SETIAP HARI

Tiada kenyataan boleh dikeluarkan selain daripada Pengarah HCTM melalui Bilik Gerakan. Sebarang maklumat boleh berhubung dengan Bilik Gerakan COVID-19 HCTM di talian 03-91454949/4959 (Waktu pejabat) dan 019-2901522 (Di luar waktu pejabat dan mesej)



WE STAY AT WORK YOU STAY AT HOME